

GARIS PANDUAN SKIM BANTUAN PASCASISWAZAH

1. Pengenalan

- 1.1 Skim Bantuan Pascasiswazah diperkenalkan untuk membantu pelajar Pascasiswazah di UnIPSAS dalam meringankan beban kewangan.
- 1.2 Skim ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pelajar Pascasiswazah untuk melanjutkan pengajian di UnIPSAS.
- 1.3 Skim ini juga bertujuan meningkatkan hasil penyelidikan untuk menaikkan bidang keutamaan UnIPSAS.

2. Objektif

- 2.1 Memberi garis panduan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Biasiswa Pascasiswazah semasa proses pemilihan penerima Skim Bantuan Pascasiswazah UnIPSAS.
- 2.2 Menyalurkan bantuan kewangan kepada pelajar Pascasiswazah UnIPSAS dengan lebih telus, teratur dan efektif.

3. Kuasa memilih

- 3.1 Kuasa memilih adalah terletak di bawah kuasa Jawatankuasa Biasiswa Pascasiswazah sementara Pusat Pengurusan Siswazah berfungsi sebagai Urus Setia. Ahli Jawatankuasa Biasiswa Pascasiswazah terdiri daripada :-
 - 3.1.1 Pengerusi – Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).
 - 3.1.2 Empat (6) ahli tetap yang dianggotai oleh :
 - a) Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah
 - b) Dekan Fakulti Pengurusan dan Informatik
 - c) Dekan Fakulti Syariah Undang-Undang
 - d) Dekan Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam
 - e) Dekan Fakulti Pengajian Bahasa dan Asasi
 - f) Dekan Akademi Quran dan Sunnah
 - g) Bendahari

3.1.3 Setiausaha – Timbalan Pengarah, Pusat
Pengurusan Siswazah

3.2 Keputusan pemilihan Jawatankuasa Biasiswa Pascasiswazah adalah muktamad.

4. Kelayakan Umum

4.1 Pemohon hendaklah mengikuti program pengajian secara penyelidikan sepenuh masa.

4.2 Pemohon telah mendaftar bagi mana-mana program pengajian Pascasiswazah di UnIPSAS.

4.3 Pemohon tidak menerima sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana pihak dan tidak berkerja.

4.4 Permohonan daripada kakitangan kerajaan atau swasta, dan kakitangan UnIPSAS yang sedang cuti belajar adalah tidak layak memohon.

4.5 Calon hendaklah menghadiri dan lulus temuduga yang ditetapkan.

4.6 Jika sumber dana bagi skim ini adalah dari institusi luar yang mengharuskan topik kajian yang memberikan manfaat kepada institusi tersebut, maka pemohon dikehendaki mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh pemberi dana tersebut.

5. Kelayakan Khusus

5.1 SKIM BANTUAN PASCASISWAZAH UNIPSAS

5.1.1 Pemohon adalah Warganegara Malaysia.

5.1.2 Pelajar Sarjana boleh mengemukakan permohonan tidak lewat daripada semester ke -dua daripada tarikh mendaftar dan belum menghantar Notis Penyerahan Tesis.

5.1.3 Pelajar PhD boleh mengemukakan permohonan tidak lewat daripada semester ke-tiga daripada tarikh mendaftar.

5.1.4 Pelajar yang memohon pada semester pertama perlu mengemukakan Kertas Cadangan penyelidikan yang telah disahkan oleh PPS selewat-lewatnya pada minggu ke-7 semester tersebut.

- 5.1.5 Pemohon telah menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyelidikan dan mencapai perbatuan (milestone) yang telah ditetapkan. (hanya terpakai untuk pelajar yang memohon pada semester kedua dan ketiga dimana pelajar mempunyai Laporan Kemajuan).
- 5.1.6 Pelajar tersebut belum menerima sebarang bantuan kewangan bagi tujuan penyelidikannya dari mana-mana agensi.
- 5.1.7 Bagi pengajian peringkat Sarjana, pemohon hendaklah mempunyai kelulusan Ijazah Pertama yang Baik atau sekurang-kurangnya PNGK 2.75, atau yang setara dengannya.
- 5.1.8 Bagi pengajian peringkat Kedoktoran, pemohon hendaklah mempunyai keputusan Sarjana yang Baik atau mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 atau yang setara dengannya.
- 5.1.9 Skim ini akan menanggung Yuran Pengajian, Yuran *Viva-Voce* dan Elaun Bulanan (tertakluk kepada peruntukan dana semasa dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa Pascasiswazah
- 5.1.10 Penerima Skim perlu mematuhi syarat-syarat kelayakan bergraduat program pasca siswazah fakulti masing-masing
- 5.1.11 Penerima Skim diwajibkan untuk mengikuti secara aktif sekurang-kurangnya satu (1) kursus/bengkel dalam setiap semester yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Siswazah

6.2 SKIM BANTUAN PASCASISWAZAH ANTARABANGSA

- 6.2.1 Pemohon adalah pelajar antarabangsa.
- 6.2.2 Pelajar Sarjana boleh mengemukakan permohonan tidak lebih daripada dua semester daripada tarikh mendaftar dan belum menghantar Notis.
- 6.2.3 Pelajar PhD boleh mengemukakan permohonan tidak lebih daripada tiga semester daripada tarikh mendaftar.
- 6.2.4 Pelajar tersebut telah menunjukkan kemajuan dalam penyelidikan dan mencapai *milestone* yang telah ditetapkan. *(hanya terpakai untuk pelajar yang memohon pada semester kedua di mana sudah mempunyai progress)*.
- 6.2.5 Pelajar tersebut belum menerima sebarang bantuan kewangan bagi tujuan penyelidikannya dari mana-mana agensi.
- 6.2.6 Bagi pengajian peringkat Sarjana, pemohon hendaklah mempunyai kelulusan Ijazah Pertama yang Baik atau PNGK 3.00 atau yang setara dengannya.
- 6.2.7 Bagi pengajian peringkat Kedoktoran, pemohon perlu mempunyai kelulusan Sarjana yang baik atau PNGK 3.30 atau yang setara dengannya.
- 6.2.8 Skim ini menanggung Yuran Pengajian dan Yuran Viva-Voce Sahaja dalam tempoh tajaan sahaja. Elaun bulanan tidak diberikan.
- 6.2.9 Penerima Skim perlu mematuhi syarat-syarat kelayakan bergraduat program pasca siswazah fakulti masing-masing

7. Syarat-syarat lain

- 7.1 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah tidak dibenarkan menukar jenis bantuan yang telah ditawarkan.
- 7.2 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah hendaklah mendaftar pada setiap semester pengajian dan laporan kemajuan pelajar mestilah mencapai sekurang-kurangnya tahap **“Memuaskan”** dalam setiap semester.
- 7.4 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah tidak dibenarkan terlibat dalam sebarang aktiviti yang melanggar undang-undang Malaysia atau peraturan Universiti.
- 7.5 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah tidak dibenarkan mempunyai lebih daripada satu skim bantuan sama ada biasiswa atau tajaan sepanjang pengajian.
- 7.6 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah hendaklah menandatangani perjanjian biasiswa pelajar pascasiswazah dengan UnIPSAS dan mengembalikan perjanjian tersebut kepada UnIPSAS dalam tempoh tiga (3) minggu selepas ditawarkan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan tawaran tersebut terbatal.
- 7.7 Skim Bantuan Pascasiswazah akan dibatalkan sekiranya pemohon didapati memberikan maklumat palsu di dalam borang permohonan.
- 7.8 Jika penerima Skim Bantuan Pascasiswazah menarik diri daripada pengajiannya atau ditamatkan pengajian oleh UnIPSAS atas sebab prestasi pengajian, kecurangan akademik dan masalah disiplin atau melanggar syarat-syarat perjanjian, jumlah wang atau apa-apa keistimewaan dalam bentuk nilai wang yang telah dibelanjakan sepanjang tempoh perjanjian hendaklah dibayar balik kepada UnIPSAS kecuali atas alasan yang munasabah dan diterima oleh ahli Jawatankuasa Biasiswa Pascasiswazah.
- 7.9 Pusat Pengurusan Siswazah berhak untuk membuat sebarang perubahan pada Garis Panduan Skim Bantuan Pascasiswazah tanpa notis dari semasa ke semasa dan penerima Skim Bantuan Pascasiswazah adalah tertakluk kepada perubahan tersebut.
- 7.10 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah yang melanggar syarat perjanjian akan menyebabkan Skim Bantuan Pascasiswazah UnIPSAS terbatal dengan sendirinya tanpa pemberitahuan bertulis
- 7.11 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah yang menerima tawaran lantikan oleh UnIPSAS sebagai felo siswazah atau pensyarah tidak dianggap sebagai melanggar

syarat perjanjian. Pembayaran Skim Bantuan Pascasiswazah akan dihentikan pada tarikh pelantikan jawatan oleh universiti. Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah hendaklah membayar balik semua jumlah wang yang diterima daripada Skim Bantuan Pascasiswazah jika mereka masih lagi menerima bantuan ini selepas tarikh pelantikan jawatan.

8. Permohonan

- 8.1 Pengumuman berkenaan Skim Bantuan Pascasiswazah ini akan dibuat oleh UnIPSAS dari masa ke semasa menerusi Pusat Pengurusan Siswazah, UnIPSAS. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Siswazah.
- 8.2 Pemohon yang disenarai pendek untuk temuduga wajib menghadirinya.

9. Tempoh Bantuan Pascasiswazah

- 9.1 Tempoh maksimum tajaan Skim Bantuan Pascasiswazah adalah bergantung kepada baki tempoh menyelesaikan pengajian mengikut tempoh masa seperti berikut;

JENIS SKIM	Skim Bantuan Pascasiswazah UnIPSAS		Skim Bantuan Pascasiswazah Antarabangsa	
	PHD	SARJANA	PHD	SARJANA
Skim Bantuan Pascasiswazah	24 -36 bulan/ 4 -6 semester	18-24 bulan/ 3-4 semester	24 - 36 bulan/ 4 -6 semester	18 -24 bulan/ 3 – 4 semester

- 9.2 Yuran peperiksaan (*viva-voce*) hanya akan dibayar dalam tempoh tajaan sahaja.
- 9.3 Pelanjutan tempoh Skim Bantuan Pascasiswazah adalah tidak dibenarkan bagi memenuhi matlamat pelajar bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 9.4 Pelajar yang menangguhkan pengajian pada semester dalam tajaan tidak akan menerima bantuan pada semester tersebut. Tajaan pada semester itu tidak boleh dibawa ke semester depan.

10. Penamatan

- 10.1 UnIPSAS berhak untuk menamatkan pemberian Skim Bantuan Pascasiswazah ini tanpa notis kepada penerima Skim Bantuan Pascasiswazah.

- 10.2 Penerima Skim Bantuan Pascasiswazah boleh menamatkan Skim Bantuan Pascasiswazah ini dalam tempoh 2 minggu (14 hari) selepas menandatangani perjanjian dengan memberi notis bertulis kepada Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah.
- 10.3 Setiap pemberian Skim Bantuan Pascasiswazah adalah tamat dengan sendirinya setelah pelajar menghantar tesis untuk pemeriksaan.

11. Penutup

- 11.1 Adalah menjadi hasrat Pusat Pengurusan Siswazah agar penawaran Skim Bantuan Pascasiswazah ini dapat meningkatkan kualiti penyelidikan pelajar ijazah lanjutan di UnIPSAS.
- 11.2 Secara tidak langsung, pendekatan UnIPSAS menerusi penawaran Skim Bantuan Pascasiswazah akan menarik minat calon-calon ijazah lanjutan untuk meneruskan pengajian di UnIPSAS
- 13.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Biasiswa Pelajar Pascasiswazah.